

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 30 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10277

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) sama ada acara perayaan bukan Islam yang menghidangkan arak akan dilarang pada masa akan datang; dan
- (b) sama ada konsert, pesta dan perayaan bukan Islam akan dilarang sekiranya terdapat bantahan pihak-pihak tertentu.

51

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, setiap kaum di Malaysia bebas untuk menyambut perayaan keagamaan atau kebudayaan masing-masing. Kerajaan bukan sahaja membenarkan perayaan tersebut disambut dengan meriah malah Kerajaan sendiri telah menjadikan hari sambutan perayaan-perayaan tertentu termasuk perayaan bukan Islam sebagai cuti umum, contohnya Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Deepavali dan Hari Krismas. Kerajaan juga tidak meletakkan sebarang sekatan berhubung cara perayaan tersebut disambut, asalkan tidak menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

(b) Keputusan Kerajaan berkaitan larangan penganjuran sebarang konsert atau sambutan bukan berdasarkan bantahan dari pihak-pihak tertentu, sebaliknya berdasarkan analisis terhadap risiko dan tahap ancaman keselamatan semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 26

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan pemberian status Lapangan Terbang Antarabangsa kepada Lapangan Terbang Miri dan apakah perkembangan naik taraf yang dijanjikan sebanyak RM285 juta pada tahun 2016 semasa lawatan Menteri Pengangkutan ke Miri.

53

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Lapangan Terbang Miri (LTM) ialah sebuah lapangan terbang berstatus domestik. Walaupun tidak berstatus antarabangsa, LTM masih boleh menerima penerbangan antarabangsa dengan kemudahan-kemudahan yang menyokong kepada penerimaan penerbangan antarabangsa tersebut sama seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh. Lapangan-lapangan terbang domestik termasuk LTM adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sememangnya mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Bangunan Terminal Lapangan Terbang Miri (LTM) dan telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia KeSebelas (RP3, RMKe11).

Sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, Kementerian ini melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah bersetuju untuk menyediakan kemudahan tempat letak kereta tambahan dengan menggunakan peruntukan MAHB.